

Buku Kerja Aktiviti Murid bagi



Peringkat 1



Berdasarkan Siri Penjelajah Visual Alkitab

Kejadian - Pada Mulanya

Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham

Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf

✝ Penerbitan Buku Kristian

SAMPLE

Buku Kerja Aktiviti Murid

bagi Peringkat 1

Berdasarkan

Siri Penjelajah Visual Alkitab

Kejadian - Pada Mulanya

Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham

Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf

Hak cipta



Diterbitkan buat kali yang pertama di Malaysia pada 2024 oleh
Pristine World Sdn Bhd

Hak Cipta © 2024 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman, imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada **ALKITAB VERSI BORNEO**. Hak cipta © 2016 oleh Borneo Sabda Limited. Digunakan dengan kebenaran daripada Borneo Sabda Limited.

Hak cipta terpelihara.

Isi Kandungan

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1	Cerita Penciptaan	4
Pelajaran 2	Taman Eden	6
Pelajaran 3	Adam dan Hawa	8
Pelajaran 4	Kain dan Habel	10
Pelajaran 5	Nuh Membina Bahtera	12
Pelajaran 6	Banjir Besar	14
Pelajaran 7	Menara Babel	16
Pelajaran 8	Abram dan Panggilan Tuhan	18
Pelajaran 9	Abram dan Lut	20
Pelajaran 10	Janji seorang Anak Lelaki	22
Pelajaran 11	Abraham dan Perjanjian Tuhan	24
Pelajaran 12	Abraham merayu bagi pihak Sodom	26
Pelajaran 13	Apa yang berlaku di Sodom dan Gomora	28
Pelajaran 14	Ujian bagi Abraham	30

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 15	Ishak dan Ribka	32
Pelajaran 16	Yakub dan Esau - Cerita Hak Anak Sulung	34
Pelajaran 17	Perjalanan Yakub	36
Pelajaran 18	Yakub dan Anak-anak Perempuan Laban	38
Pelajaran 19	Yakub kembali ke Kanaan	40
Pelajaran 20	Yusuf dan Abang-abangnya	42
Pelajaran 21	Yusuf dan Potifar	44
Pelajaran 22	Orang Tahanan dan Erti Mimpi	46
Pelajaran 23	Si Tukang Mimpi dan Raja	48
Pelajaran 24	Orang Tahanan menjadi Perdana Menteri	50
Pelajaran 25	Masalah Yakub	52
Pelajaran 26	Pertemuan dan Perdamaian Keluarga	54
Pelajaran 27	Penghujung Kejadian - Puak Menjadi Bangsa	56

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1: CERITA PENCIPTAAN

Tema:

Tuhan yang Menciptakan.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengenal Tuhan yang telah menciptakan kita dan dunia di mana kita tinggal ini.

Petikan Alkitab:

Kejadian 1:1 - 2:3



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Alam Semesta diciptakan oleh satu Tuhan.
2. Alam Semesta yang Tuhan ciptakan adalah sempurna. Tuhan sangat gembira dan senang hati dengan pekerjaan-Nya, dan mengatakannya sebagai baik.

Ayat Hafalan:

“Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.”

Kej. 1:1

Ketahui: Betul atau Salah

Gambar-gambar di bawah menunjukkan perkara-perkara yang berlaku ketika Tuhan menciptakan bumi dan seluruh isinya. Tandakan ✓ bagi gambaran yang betul dan X bagi gambar yang salah.

1.



2.



3.




4.



Ciptaan Tuhan

Lukis haiwan kegemaran anda dalam gambar ini. Kemudian warnakannya.



Tindakan:

Adakah terdapat taman di luar? Pergilah ke taman itu dan kumpulkan dua benda yang diciptakan oleh Tuhan. Pada pendapat kamu, mampukah manusia menghasilkannya? Bincangkan tentangnya dengan guru kamu.

Doa: Ya Tuhan, Terima kasih kerana menciptakan dunia yang indah ini. Bantulah saya untuk mengenali Engkau melalui ciptaan-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 2: TAMAN EDEN

Tema:

Tuhan menjadikan lelaki dan perempuan. Dia inginkan mereka untuk menjaga ciptaan-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengasihi dan menjaga Bumi.

Petikan Alkitab:

Kejadian 2:4-25



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Tuhan memberikan kita kehidupan. Dia juga telah menjadikan kita berkuasa dan menjaga ke atas semua ciptaan-Nya.
2. Tuhan sangat mengasihi kita. Ketika Dia menciptakan lelaki dan perempuan yang pertama, Adam dan Hawa, Dia ialah sahabat mereka. Tuhan telah membuat satu perjanjian (sebuah janji) dengan mereka untuk tinggal di Taman Eden selagi mereka taat kepada-Nya.

Ayat Hafalan:

“Apabila aku melihat langit-Mu, hasil kerja jari-Mu, bulan dan bintang, yang Kautentukan, apakah manusia maka Engkau mengingatnya, dan anak manusia maka Engkau mengendahnya?”

Mazmur 8:3-4


Kenali: *Tuliskan nama yang betul dalam tempat kosong.*

Binatang
Manusia
Nafas





Kasihi Ciptaan Allah: Warnakan dan tandakan (√) pada gambar yang menunjukkan kasih kepada ciptaan Tuhan.



Tindakan:

1. Mengapakah menjaga ciptaan Tuhan itu penting?

2. Apakah yang kita boleh lakukan untuk menjaga dunia?

Doa: Ya Tuhan, Terima kasih kerana menciptakan dunia yang indah ini untuk kami tinggal. Bantulah saya untuk mengasihi dan menjaganya. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 3: ADAM DAN HAWA

Tema:

Mentaati Tuhan.

Tujuan Pelajaran:

Apabila kita tidak mentaati Tuhan, akan ada akibatnya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 3:1-24



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Walaupun Tuhan itu adalah rohani dan berkuasa, Dia ingin untuk rapat dengan kita, seperti seorang kawan.
2. Tidak mentaati Tuhan dipanggil dosa. Jika kita tidak mentaati-Nya, kita tidak dapat rapat dengan-Nya. Jika kita taat kepada-Nya, kita akan terus menikmati persahabatan dengan-Nya.

Ayat Hafalan:

“Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.”

Roma 6:23

Kenali: Isikan setiap kotak dengan huruf yang betul.



--	--	--	--	--




--	--	--	--	--



--	--	--	--	--

Mencari jalan: Selepas mereka berdosa, Adam dan Hawa tidak lagi dapat tinggal di Taman Eden. Bantu mereka untuk mencari jalan keluar daripada Taman itu.



Tindakan: Katakan kepada guru kamu

1. Apakah yang berlaku selepas Adam dan Hawa makan buah itu?

2. Mengapakah Adam dan Hawa tidak boleh tinggal di Taman Eden?

3. Apabila kita berdosa, apakah yang kita perlu katakan kepada Tuhan?

Doa: Ya Tuhan, Terima kasih Tuhan kerana Engkau sangat mengasihi saya. Saya meminta ampun kerana _____. Tolong ampuni saya. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 4: KAIN DAN HABEL

Tema:

Tuhan melihat segalanya yang kita lakukan.

Tujuan Pelajaran:

Kita tidak boleh menyembunyikan dosa kita daripada Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 4:1-26



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Kain tidak mentaati Tuhan dan membunuh adiknya, Habel.
2. Tuhan ialah hakim yang melihat segalanya. Kain berfikir bahawa tidak ada yang melihat jenayahnya tetapi Tuhan melihatnya dan menghukum Kain.

Ayat Hafalan:

“Dan berbelas kasihlah satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan, sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam Kristus.”
Efesus 4:32

Kenali: Berdasarkan pelajaran kamu, dapatkah kamu mengenal pasti yang mana satukah Kain dan yang mana satukah Habel?



Persembahan Kain dan Habel:

Lukis dan warnakan persembahan Kain dan Habel kepada Tuhan.

Persembahan Kain	Persembahan Habel

Tindakan: Bincangkan bersama guru kamu

1. Habel memberikan bahagian lemak daripada korban persembahannya, yang merupakan bahagian yang terbaik. Kerana itulah Tuhan menyenangi persembahan Habel. Adakah Kain memberikan bahagian yang terbaik dalam persembahannya?

2. Bagaimana dengan kamu, adakah kamu memberikan yang terbaik kepada Tuhan?

3. Kain tidak menyesal dengan dosanya. Mengapakah ianya penting bagi kita untuk berasa bersalah akan dosa kita?

Aplikasi:

Apabila kita melakukan kesalahan, kita perlulah datang kepada Tuhan dan meminta pengampunan dan bertaubat daripada dosa kita.

Doa: Ya Tuhan, saya meminta ampun atas semua perkara jahat yang telah saya lakukan. Bantulah saya untuk sentiasa taat kepada-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 5: NUH MEMBINA BAHTERA

Tema:


Tuhan memakai orang yang setia.

Tujuan Pelajaran:

Sentiasalah setia kepada Tuhan, biarpun ketika orang lain mentertawakan kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 6 & 7



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Nuh memiliki iman dalam Tuhan, kerana itu Tuhan memilihnya untuk melakukan tugas penting untuk membina Bahtera bagi menyelamatkan ciptaan Tuhan.

Ayat Hafalan:

Hanyalah Dia batu pejalaku dan penyelamatanku; Dialah yang melindungi, maka aku tidak akan digulingkan.
Mazmur 62:2

Padankan: Padankan gambar-gambar berikut dengan nama yang betul.



●

● bahtera



●

● burung



●

● hujan



●

● banjir

Mewarna:

Nuh mempunyai makanan yang mencukupi untuk keluarganya.



Tindakan: Katakan kepada guru kamu dan rakan-rakan kamu Nuh setia kepada Tuhan. Apakah yang saya boleh lakukan pada minggu ini untuk menunjukkan kesetiaan saya kepada Tuhan?

Minggu ini, saya akan _____.
(contoh: berkelakuan baik kepada murid yang tidak disukai oleh semua orang dalam kelas saya)

Aplikasi: Beritahu guru anda dan rakan anda
Apabila kita setia dan taat kepada Tuhan, Dia akan gembira dan akan menggunakan kita dalam rancangan-Nya seperti Dia menggunakan Nuh untuk menyelamatkan ciptaan.

Doa: Ya Tuhan, Terima kasih kerana setia kepada saya sentiasa, ajarkan saya untuk setia, juga. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 6: BANJIR BESAR

Tema:

Mempercayai Yesus.

Tujuan**Pelajaran:**

Percayalah kepada Yesus dan kamu akan diselamatkan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 7:16 - 9:17



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Cerita Nuh ialah satu gambaran tentang Yesus. Yesus adalah seperti Bahtera yang menyelamatkan kita jika kita percaya kepada-Nya.

Ayat Hafalan:

“Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara antara Allah dengan manusia iaitu seorang insan Kristus Yesus. ⁶Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia, dan hal ini akan dipersaksikan pada masanya.”

1 Tim 2:5-6

Kenali: Warnakan nama yang betul untuk gambar-gambar di bawah:



pelangi

langit



kapal

bahtera






bunga
daun



merpati
merak

Mencari daratan yang kering: *Bantu merpati ini mencari dahan pokok zaitun*



Tindakan:

Lukiskan sebuah bot keselamatan yang menyelamatkan kamu daripada lemas di lautan.

Doa: Ya Tuhan, terima kasih kerana menjaga saya. Terima kasih untuk Yesus yang seperti Bahtera itu yang menyelamatkan saya. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 7: MENARA BABEL

Tema:

Kerendahan hati

Tujuan Pelajaran:

Menolak untuk taat kepada Tuhan adalah meninggi diri. Bersikap angkuh tidak menyenangkan Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 11:1-9



Pelajari

Kunci Pelajaran:



Tuhan mahu kita mengikut rancangan-Nya. Dia mahu manusia terserak dan memenuhi bumi. Tetapi manusia tidak taat, dan membina sebuah menara untuk menunjukkan betapa hebatnya mereka. Mereka angkuh dan memikirkan bahawa mereka tidak perlu mendengarkan Tuhan, oleh itu Tuhan menghukum mereka dengan mengelirukan bahasa mereka.

Ayat Hafalan:

“Keangkuhan mendahului kehancuran, dan hati yang sombong mendahului kejatuhan.”

Amsal 16:18

Kenali: Sambungkan garisan putus-putus di bawah dan salin semula perkataan tersebut dalam tempat kosong yang disediakan.

	mendra	_____
	batu bata	_____



Menara Babel:

Lukiskan menara kamu sendiri. Setinggi manakah yang akan kamu bina?



Tindakan:

1. Mengapakah Tuhan marah kepada manusia?

2. Apakah rancangan anda? Tuliskan tiga perkara yang paling kamu ingin lakukan.

3. Katakan kepada Tuhan tentang tiga rancangan ini.

Doa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk merendah diri dan taat kepada Engkau, dan untuk mengikuti rancangan-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 8: ABRAM DAN PANGGILAN TUHAN

Tema:

Tuhan menjaga orang yang percaya kepada-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Percayalah kepada Tuhan dalam perkara-perkara yang baru dan sukar.

Petikan Alkitab:

Kejadian 12:1-20



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Tuhan telah memanggil Abram untuk menjadi bapa dan pemimpin bagi bangsa Israel. Tuhan telah memanggil Abram untuk meninggalkan rumahnya dan pergi ke sebuah tempat yang baru.
2. Abram mempunyai iman kepada Tuhan dan percaya kepada-Nya, biarpun dia mengetahui meninggalkan rumah pastinya sukar.

Ayat Hafalan:


“Aku terus berusaha ke arah matlamat mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Kristus Yesus.” Fil. 3:14

Kenali: Warnakan gambar yang betul untuk setiap perkataan yang diberikan.


Khemah



Mengembara



Abram merantau ke Mesir: Abram ke Mesir untuk melarikan diri daripada kebuluran. Bantulah dia untuk mencari jalan untuk ke sana.



Tindakan:

Yang mana satukah yang mempercayai dan mentaati Tuhan? Tandakan (√) untuk yang benar.

- 1. Berbohong seperti Abram ketika kamu berasa takut. ()
- 2. Katakan yang benar biarpun ketika kamu berasa takut. ()
- 3. Patuhi ibu dan bapa kamu. ()
- 4. Tidak perlu berasa takut jika kamu percaya kepada Tuhan. ()

Aplikasi: Fikir dan tulis

Saya merasakan _____ sukar untuk dilakukan, tetapi saya akan percaya kepada Tuhan kerana Dia setia dan akan menjaga saya.

Doa: Ya tuhan, bantu saya untuk percaya dan taat kepada-Mu, biarpun ketika saya takut. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 9: ABRAM DAN LUT

Tema:

Jadilah pendamai.

Tujuan Pelajaran:

Utamakan orang lain sebelum diri kamu, kerana Tuhan akan sentiasa menjaga kamu.

Petikan Alkitab:

Kejadian 13:1 sehingga 14:24



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Abram membiarkan Lut memilih terlebih dahulu. Dia membiarkan Lut mengambil tanah yang lebih baik. Lut memilih tanah yang lebih subur bagi dirinya sendiri, tetapi akhirnya tinggal di Sodom, kota dosa.

Ayat Hafalan:

“Yesus terus menambah, ‘Ingatlah baik-baik supaya menjaga diri daripada segala ketamakan kerana kehidupan manusia tidak bergantung pada harta kekayaan yang dimiliki.’”
Lukas 12:15

Kenali: Di dalam gambar di bawah, warnakan gambar mengikut warna yang betul.

Domba – **Coklat**;

Kulit Lut dan Abraham – **Coklat**;

Langit – **Biru**; Bukit – **Hijau**;

Rumput – **Hijau**;

Rambut – **Hitam**; Janggut – **Hitam**;

Kasut – **Hitam**;

Baju Lut – **Jingga**; Baju Abraham – **Merah**;



Jika kamu ke kiri,
aku ke kanan

Mengutamakan orang lain terlebih dahulu:

Lukiskan lima benda yang kamu akan kongsi dengan rakan-rakan kamu.



Tindakan:

Lain kali, ketika kamu bergaduh dengan seorang rakan atas suatu sebab, atau adik-beradik kamu, apakah yang kamu akan katakan? Fikirkan tentangnya sekarang

Ingat!

Kita tidak perlu bergaduh kerana sesuatu, tetapi kita boleh mencari sebuah penyelesaian yang mendamaikan.

Doa: Ya Tuhan, bantulah saya supaya tidak bergaduh dengan rakan-rakan saya tetapi untuk menjadi pendamai seperti Abram. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 10: JANJI SEORANG ANAK LELAKI

Tema:

Kesabaran bermaksud mempercayai Tuhan.

Tujuan Pelajaran:

Untuk menantikan Tuhan melakukan segala perkara pada masa-Nya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 15 - 16



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Abram sanggup untuk menunggu Tuhan untuk memberikannya seorang anak lelaki pada masa yang tepat. Tetapi Sarai tidak sabar dan memutuskan untuk melakukan perkara-perkara mengikut caranya. Dia membenarkan hambanya Hagar mempunyai anak bersama Abram, tetapi anak itu, Ismael, bukanlah anak yang dijanjikan. Kerana ketidaksabaran Sarai, terdapat ketegangan dalam rumah tangga Abram.

Ayat Hafalan:

“Sebabnya bagi Allah tidak ada yang mustahil.”

Lukas 1:37

Kenali: *Tuliskan perkataan dalam ruang yang disediakan berdasarkan gambar.*






--	--	--	--	--	--	--	--



--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Sebanyak bintang di langit:

Tuhan berjanji kepada Abram bahawa keturunannya akan sebanyak bintang di langit. Dapatkan beberapa pelekat bintang dan lekatkan sebanyak mana yang kamu mampu dalam gambar ini untuk menunjukkan janji Tuhan kepada Abram.



Tindakan:

1. Mengapakah Sarai melakukan rancangannya sendiri dan bukannya menantikan Tuhan?
2. Apakah yang berlaku ketika Sarai tidak dapat menunggu dan memberikan hambanya Hagar kepada Abram?
3. Adakah ianya sukar bagi kamu untuk mempercayai Tuhan?

Ingatlah

Kita boleh mempercayai Tuhan untuk berpegang pada janji-Nya tetapi kita perlu bersabar.

Doa: Ya Tuhan, Apabila ianya sukar untuk saya mempercayai-Mu, bantulah saya untuk mengingati bahawa tidak ada yang tidak dapat Kau lakukan. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 11: ABRAHAM DAN PERJANJIAN TUHAN

Tema:


Tuhan memegang janji-janji-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Mentaati Tuhan mungkin sukar tetapi Dia mahukan kita untuk percaya kepada-Nya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 17



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Janji asal Tuhan disahkan dalam sebuah Perjanjian yang formal. Abram dan Sarai diberikan nama yang baru, sebagai Abraham dan Sarah. Sebagai tanda bagi perjanjian ini, Abraham perlu menyunatkan semua lelaki dalam rumahnya.

Ayat Hafalan:

“Oleh sebab itu ketahuilah bahawa Tuhan, Allahmu, Dia Allah, Allah yang setia, yang berpegang teguh pada perjanjian, dan menunjukkan rahmat-Nya terhadap orang yang mengasihi-Nya serta yang berpegang teguh pada perintah-perintah-Nya, sampai beribu-ribu keturunan.” UI 7:9

Kenali: KELUARGA ABRAHAM

Ini ialah keluarga Abraham. Tuliskan nama yang betul untuk orang yang betul.



Susunkan Gambar: Tuhan telah menampakkan diri di hadapan Abraham. Tuliskan nombor yang betul untuk setiap gambar di bawah.





ABRAM SARAI
 ABRAHAM SARAH



Tindakan:

Abraham taat dengan menyunatkan semua lelaki dewasa di rumahnya. Ini adalah satu perkara yang sukar dan bahaya untuk dilakukan kerana para lelaki tidak akan mampu untuk melindungi rumah itu.

Apakah perkara yang sukar dalam kehidupan kamu? Tuliskannya di sini:

Kemudian beritahukan Tuhan tentang perkara-perkara ini. Mintalah kepada-Nya untuk membantu kamu percaya kepada-Nya.

Doa: Ya Tuhan, terima kasih kerana Engkau mengetahui gambaran keseluruhan dalam hidup saya. Bantulah saya untuk mempercayai-Mu biarpun ketika segalanya sukar. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 12: ABRAHAM MERAYU BAGI PIHAK SODOM

Tema:

Tuhan ialah sahabat kita.

Tujuan Pelajaran:

Tuhan ingin memiliki sebuah hubungan yang peribadi dengan kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 18



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Tuhan telah berbicara kepada Abraham seperti seorang sahabat, dan memberitahu Abraham tentang rancangan-Nya. Tuhan membenarkan Abraham untuk merayu kepada-Nya untuk menyelamatkan Lut. Ini juga menunjukkan betapa Tuhan menghargai kehidupan manusia.

Ayat Hafalan:

“Aku telah memilih dia agar dia memerintahkan anak-anak serta kaum keluarganya untuk memelihara jalan TUHAN dengan melakukan yang benar dan adil. Dengan demikian, TUHAN memenuhi apa yang telah dijanjikan-Nya kepada Abraham.” Kej 18:19

Kenali: Tandakan ✓ untuk gambar yang betul atau X pada gambar yang salah di dalam kotak yang disediakan.



pokok oak	<input type="checkbox"/>
kaktus	<input type="checkbox"/>



biskut	<input type="checkbox"/>
roti	<input type="checkbox"/>



anak lembu	<input type="checkbox"/>
anak domba	<input type="checkbox"/>

Tuhan berbicara kepada Abraham seperti seorang rakan:

Untuk membantu mengingatkan anda ayat hafalan yang lebih panjang pada minggu ini, tuliskannya dalam ruangan di bawah dan hiaskannya dan warnakannya. Lekatkannya di rumah di mana kamu dapat selalu melihatnya.

SAMPLE

Tindakan:

Mengapakah Tuhan memberitahu Abraham apa yang sedang dirancang-Nya untuk dilakukan terhadap Sodom?

Tuhan mahu memiliki sebuah hubungan dengan kita, Dia ingin menjadi sahabat kita. Bagaimana dengan kamu?

Tuliskan jawapan anda: Saya mahukan hubungan saya dengan Tuhan seperti

_____.

Doa: Ya Tuhan, Terima kasih kerana menjadi sahabat saya. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 13: APA YANG BERLAKU DI SODOM DAN GOMORA

Tema:

Firman Tuhan perlu dianggap dengan sangat serius.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mendengar dan melakukan apa yang Tuhan beritahukan kepada kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 19:1-29



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Tuhan memusnahkan Sodom tetapi menyelamatkan Lut. Ini menunjukkan bahwa Dia menghukum yang jahat tetapi menyelamatkan yang benar. Tetapi isteri Lut tidak mendengar apa yang dikatakan oleh Tuhan, dan dia dihukum kerana itu.

Ayat Hafalan:

“Penyelamatan orang yang benar adalah daripada TUHAN; Dia ialah kekuatan mereka pada waktu kesusahan.”
Mazmur 37:39

Kenali: Tuliskan perkataan-perkataan di bawah di tempat kosong yang betul.


Kota Sodom

Api

Isteri Lut

Lut



Anak-anak Lut



Lari! Jangan berhenti dan jangan memandang ke belakang!

Malaikat-malaikat menolong Lut dan keluarganya untuk melarikan diri. Pimpin mereka melalui laluan kota Sodom ini.

Ketahui apa yang berlaku kepada isteri Lut dan lukiskannya di sini.



Tindakan:

Saya berpendapat isteri Lut melihat ke belakang kerana _____

Ketika ibu bapa atau guru kamu memberitahu kamu agar tidak melakukan perkara-perkara yang tertentu, adakalanya ia adalah untuk kebaikan kita sendiri. Namakan tiga perkara yang kamu tahu kamu tidak seharusnya lakukan.

- 1) _____
- 2) _____
- 3) _____

Doa:

Ya Tuhan, bantulah saya untuk mendengarkan ibu bapa dan guru saya kerana itu adalah cara saya mentaati Engkau. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 14: UJIAN BAGI ABRAHAM

Tema:

Mengutamakan Tuhan dalam kehidupan kamu.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengutamakan Tuhan dalam semua yang kita lakukan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 21:1-20 dan Kejadian 22:1-19



Pelajari


Kunci Pelajaran:

Kesanggupan Abraham untuk mentaati Tuhan dan mengorbankan Ishak adalah bukti bahawa dia meletakkan Tuhan di atas segala-galanya dalam hidupnya. Dengan cara yang sama, kesanggupan Tuhan untuk mengorbankan Yesus untuk menebus dosa kita adalah bukti bagi kasih-Nya untuk kita.

Ayat Hafalan:


“TUHAN cahayaku dan penyelamatanku – siapa perlu kutakuti? TUHAN kekuatan hidupku – siapa harus aku gentar?”
Mazmur 27:1

Kenali: Tuliskan huruf yang betul dalam kotak yang disediakan



Tuhan akan menyediakan:

Ketika Abraham mengutamakan Tuhan sebelum anaknya sendiri Ishak, Tuhan menyediakan seekor domba sebagai korban untuk menggantikan tempat Ishak. Warnakan domba di bawah.



Tindakan: Susun semula huruf-huruf ini

1. Bulatkan satu cara di mana kamu boleh menunjukkan bahawa kamu mengutamakan Tuhan dalam hidup kamu:

Berkongsi dengan rakan saya / mentaati ibu bapa saya / tidak berbohong

2. Tuhan telah menyerahkan Yesus untuk menyelamatkan kita daripada dosa-dosa kita. Adakah kita akan mengutamakan Yesus dalam hidup kita? _____

Doa:

Ya Tuhan, bantulah saya untuk mengutamakan Engkau dalam hidup saya, seperti yang dilakukan oleh Abraham. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 15: ISHAK DAN RIBKA

Tema:
Mempercayai Tuhan.

Tujuan Pelajaran:
Untuk belajar mempercayai Tuhan dalam setiap situasi.

Petikan Alkitab:
Kejadian 23:1-25:28



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

1. Abraham dan juga hambanya mempercayai Tuhan untuk mencari perempuan yang tepat untuk menjadi isteri Ishak.
2. Ribka juga menunjukkan kepercayaan kepada Tuhan dengan meninggalkan rumahnya dan orang-orang yang dikasihinya untuk berkahwin dengan seorang orang asing dari negeri yang jauh.

Ayat Hafalan:

TUHAN meredai mereka yang takut kepada-Nya, mereka yang mengharapkan kasih setia-Nya.
Mazmur 147:11

Kenali: Padankan nama yang betul untuk setiap gambar di bawah. Satu contoh telah diberikan.

Ribka

buyung

tempat
minum
ternak




unta

hamba
Abraham

perigi

Di mata air: Bantulah ketua hamba Abraham untuk mencari jalan menuju kepada Ribka di mata air itu.



Tindakan: Permainan: Membina kepercayaan

Dapatkan seorang pasangan. Berdiri di mana seorang di hadapan, dan seorang di belakang dengan menghadap arah yang sama. Orang yang di hadapan menyilangkan tangannya pada dadanya, dengan kaki yang rapat dan memijak lantai dengan rapat, dan perlahan-lahan merebahkan badannya ke belakang. Orang yang di belakang perlu menyambut orang di hadapannya. Ambil giliran dan ulang permainan ini.

Adakah pasangan kamu menyambut kamu? Bolehkah kamu mempercayai pasangan kamu?

Aplikasi:

Tuhan tidak akan mengecewakan kita. Apabila kita meletakkan kepercayaan kita kepada-Nya, Dia setia dan tidak akan mengecewakan kita.

Berdoa: Ya Tuhan, ajarkan saya untuk mempercayai-Mu. Bantulah juga saya untuk menjadi seseorang yang boleh dipercayai. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 16: YAKUB DAN ESAU - CERITA HAK ANAK SULUNG

Tema:

Tanggungjawab.

Tujuan Pelajaran:

Untuk menjadi bertanggungjawab untuk apa yang Tuhan telah berikan kepada kita, atau panggilan-Nya terhadap kita untuk melakukan sesuatu.

Petikan Alkitab:

Kej 25:19 - 34 dan Kej 27:1-41



Pelajari


Kunci Pembelajaran:

Esau seorang yang tidak bertanggungjawab. Dia tidak mempedulikan hak anak sulungnya, yang membawa berkat dan tanggungjawab daripada janji-janji dalam perjanjian dan kepimpinan ke atas umat Tuhan. Kerana itu Tuhan membangkitkan pemimpin yang lain – Yakub – untuk mengambil tempatnya.


Ayat Hafalan:

Berbuat jahat bagaikan permainan orang bodoh, tetapi hikmah ialah kegemaran bagi orang yang berpengertian
- Ams 10:23

Kenali: Keluarga Ishak. Isikan nama yang betul di tempat yang betul.



Helah Yakub ke atas Ishak: *Ishak meminta Esau untuk menyediakan sesuatu yang sedap untuk dimakannya, tetapi Yakub dan ibunya Ribka menipu Ishak untuk memberikan berkat Esau kepada Yakub. Warnakan gambar ini dan lekatkan tenunan atau helaian kain yang kasar untuk membuatkan Yakub dirasakan seperti Esau.*



Tindakan: *Apakah tanggungjawab yang kamu ada di rumah?*

Bulatkan yang kamu ada.

Menjaga adik saya

Menyimpan alatan permainan
saya selepas selesai bermain

Menyediakan meja makan
sebelum makan malam

Menutup suis lampu ketika
saya meninggalkan bilik itu

Memastikan bilik saya kemas

Menyiram pokok-pokok

Menolong bapa saya mencuci kereta

Berdoa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk setia kepada tanggungjawab yang Engkau telah berikan kepada saya dan bantulah saya untuk melakukannya dengan sukacita. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 17: PERJALANAN YAKUB

Tema:

Tuhan memegang janji-janji-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengetahui bahwa Tuhan mengingati dan memegang janji-janji-Nya.

Petikan Alkitab:

Kej 27:42 - 29:12



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

Yakub melarikan diri daripada Esau. Tuhan muncul di hadapan Yakub untuk yang pertama kalinya dan memberitahunya tentang janji Perjanjian yang dibuat kepada datuknya. Yakub berdoa dengan doa yang bersyarat.


Ayat Hafalan:

Yesus berkata kepadanya, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kamu akan melihat langit terbuka dan malaikat-malaikat Allah turun naik menemui Anak Manusia."
Yohanes 1:51

Ketahui: Dalam dua situasi di bawah, tuliskan watak setiap yang terlibat.



Tangga Malaikat: Lukiskan lebih banyak malaikat yang turun dan naik tangga itu.



Tindakan:

Perjanjian Tuhan dengan Abraham kini diturunkan kepada Yakub. Tuhan menunjukkan diri-Nya kepada Yakub untuk mengingatkannya tentang janji-janji-Nya yang dibuat-Nya kepada Abraham.

Aplikasi:

Apakah yang kamu dapat janji untuk lakukan bagi ibu atau bapa kamu pada minggu ini?

_____.
Pastikan kamu menunaikannya.

Berdoa: Ya Tuhan, Terima kasih kerana memegang janji-janji-Mu dan setia kepada kami. Dalam Nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 18: YAKUB DAN ANAK-ANAK PEREMPUAN LABAN

Tema:

Jangan menipu orang lain.

Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk berlaku jujur kepada orang lain.

Petikan Alkitab:

Kej 29:13 - 30:43



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

Yakub yang menipu bapanya Ishak sebelum ini kini ditipu oleh pak ciknya Laban untuk bekerja selama bertahun-tahun. Yakub belajar untuk tidak merungut biarpun terpaksa bekerja selama beberapa tahun tambahan daripada yang sepatutnya.


Ayat Hafalan:

Dia menggagalkan rancangan orang cerdik, sehingga upaya tangan mereka tidak berhasil.
- Ayub 5:12

Kenali: Yang mana satukah Lea dan yang mana satukah Rahel? Tuliskan nama mereka di ruangan yang disediakan. Kemudian, warnakan baju Rahel dengan warna **jingga** dan baju Lea, **ungu**.



Jangan menipu! Gunakan warna-warna yang berbeza tetapi warnakan bentuk yang sama dengan warna yang sama. Kemudian gunakan pembaris untuk melukiskan dua garis lurus untuk membahagikan kotak di bawah kepada empat bahagian. Setiap bahagian haruslah mempunyai enam bentuk yang berbeza. Fikirkan dengan teliti sebelum melukiskan garisan itu! Jangan menipu dengan melukis garisan yang bengkok! Satu garis lurus telah disediakan untuk kamu. Lukiskan satu garis lurus lagi.



Tindakan:

Kita seharusnya tidak menipu orang lain kerana ini tidak menyenangkan Tuhan.

Apakah yang saya dapat pelajari daripada Yakub? _____.

Berdoa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk berlaku jujur kepada orang lain. Dan jika orang lain berbuat yang salah kepada saya, bantulah saya untuk mempercayai Engkau. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 19: YAKUB KEMBALI KE KANAAN

Tema:

Tuhan melindungi kita.

Tujuan Pelajaran:

Untuk bersyukur bagi perlindungan dan penjagaan Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 31: 1 - 33: 19, dan Kejadian 35



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

Tuhan melindungi Yakub daripada Laban dan Esau. Yakub telah belajar untuk mempercayai Tuhan dan kini telah bersedia untuk menjadi seorang pemimpin. Di Betel, Yakub menyembah Tuhan tanpa syarat dan Tuhan memberikannya sebuah nama yang baru, Israel.



Ayat Hafalan:

TUHAN akan memberikan kekuatan kepada umat-Nya; TUHAN akan memberkati umat-Nya dengan kesejahteraan. Mazmur 29:11

Kenali:

Kamu telah mendengar kisah tentang kambing yang berbintik-bintik dan yang belang.


Berdasarkan gambar di bawah, kambing manakah yang berbintik-bintik dan yang belang?



Belang

Berbintik-bintik

Yakub berterima kasih kepada Tuhan: *Yakub menegakkan sebuah batu peringatan di tempat di mana Tuhan memberkatinya. Dia melakukan ini untuk mengingatkan dan berterima kasih kepada Tuhan. Lukiskan batu peringatan kamu di sini dan tuliskan di atasnya perkara-perkara yang kamu ingin berterima kasih kepada Tuhan. (cth. Keluarga, rakan-rakan, sebuah rumah untuk didiami ...)*



SAMPLE

Tindakan:

Pada waktu sukar, Tuhan melindungi dan memerhatikan kita seperti yang dilakukan-Nya kepada Yakub. Bagaimanakah kamu dapat menunjukkan rasa berterima kasih kepada Tuhan kerana melindungi kamu? Tandakan satu cara dan lakukannya pada minggu ini:

- ___ Membantu seseorang dalam kelas saya yang memerlukan pertolongan.
- ___ Berfikir tentang bagaimana Tuhan melindungi kamu dan beritahukan kepada seorang rakan atau ibu bapa.

Berdoa: Ya Tuhan, terima kasih untuk perlindungan dan berkat-Mu pada waktu-waktu yang sukar. Bantulah saya untuk mengingati dan menyembah-Mu. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 20: YUSUF AND ABANG-ABANGNYA

Tema:


Tuhan itu agung.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengetahui bahawa Tuhan berkuasa di dalam semua keadaan.

Petikan Alkitab:

Kej 37



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

Abang-abang Yusuf cemburu akan Yusuf. Mereka menjualnya sebagai seorang hamba. Walau bagaimanapun, Tuhan mempunyai rancangan lain dan menggunakan keadaan ini untuk menggenapi tujuan-Nya.

Ayat Hafalan:

Dia tidak mengalihkan pandangan-Nya daripada orang benar, tetapi Dia menempatkan mereka dengan raja-raja di atas takhta untuk selama-lamanya sehingga mereka ditinggikan.
- Ayub 36:7

Kenali: Tuliskan nama yang betul untuk setiap gambar di bawah.

jubah



berkas gandum



matahari

perigi




binatang buas



Tuhan memerhatikan Yusuf: *Biarpun Yusuf dijual kepada para pedagang, Tuhan memerhatikannya dan melindunginya. Bagaimanakah kita mengetahui bahawa Tuhan itu berkuasa? Cuba dengan gambar di bawah –*

1. Cari seorang pasangan. Pasangan kamu mengikatkan penutup mata pada mata kamu.
2. Dapatkan beberapa pensel warna. Pasangan kamu memberikan kamu sebatang pensel warna, memegang tangan kamu dan memimpin kamu sambil kamu mewarnakan gambar itu.
3. Memandangkan kamu tidak dapat melihat apa-apa kerana mata kamu ditutup, benarkan pasangan kamu untuk memilih warna yang berbeza dan memimpin tangan kamu ketika kamu mewarnakan gambar itu.
4. Apabila kamu telah mewarnakan hampir separuh daripada gambar itu, bertukar dengan pasangan kamu – sekarang mereka memakai penutup mata dan kamu memimpin mereka sehingga selesai mewarnakan gambar itu.



Tindakan:

Apabila kita berkata bahawa Tuhan itu berkuasa, ia bermaksud bahawa Dia memerintah di atas segalanya atau dia berkuasa dalam setiap situasi dalam hidup kita, biarpun ketika masa sukar.

Berdoa: Ya Tuhan, terima kasih kerana berkuasa dalam hidup saya. Bantulah saya untuk mempercayai-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 21: YUSUF DAN POTIFAR

Tema:


Bekerja keras dan elakkan godaan.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mempelajari bahawa setia bermaksud bekerja keras dan mengelakkan dosa.

Petikan Alkitab:

Kej 39:1-20



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

1. Yusuf bekerja keras sebagai seorang hamba di rumah Potifar.
2. Apabila isteri Potifar menggoda Yusuf, dia tidak berdosa dengan mengambil apa yang bukan miliknya.

Ayat Hafalan:

Kerana TUHAN menaungi jalan orang benar, tetapi jalan orang zalim akan binasa. Mazmur 1:6

Ketahui: Yusuf telah dijual oleh abang-abangnya kepada Potifar. Berdasarkan gambar di bawah, dapatkah kamu mengenal pasti yang mana satukah Yusuf dan yang manakah abang-abangnya?




Abang-abang Yusuf

Yusuf

Yusuf melarikan diri daripada godaan:

Biarpun menjadi seorang hamba, Yusuf terus setia kepada Tuhan dengan bekerja keras. Dia tidak mahu melakukan dosa dengan menolak godaan daripada isteri Potifar. Bantulah Yusuf untuk melarikan diri daripadanya.



Berdoa: Tuhan Yesus, bantulah saya supaya tidak terganggu oleh godaan dan dosa, tetapi untuk bekerja keras dan memberikan yang terbaik dalam semua yang saya lakukan. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 22: ORANG TAHANAN DAN ERTI MIMPI

Tema:


Tuhan membentuk kita dalam waktu-waktu yang sukar.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mempelajari bahawa Tuhan menyediakan kita melalui situasi-situasi yang sukar.

Petikan Alkitab:

Kej 39:21 - 40:23



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

1. Yusuf tidak merungut di dalam penjara tetapi dia bekerja keras. Dia mengagumkan pengawal penjara.
2. Tuhan menggunakan masa yang sukar di dalam penjara ini untuk menyediakan Yusuf untuk masa hadapan.

Ayat Hafalan:

Kamu layak dipuji jika kerana Allah kamu tabah menanggung derita akibat perlakuan yang tidak adil. - 1 Petrus 2:19

Kenali: *Tuliskan nama yang betul bagi gambar-gambar di bawah.*



pengurus


--	--	--	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--	--	--

Mimpi pengurus minuman:

Pengurus minuman itu dikembalikan kepada kedudukannya, tetapi dia terlupa memberitahu Firaun tentang Yusuf. Yusuf perlu terus tinggal di penjara. Warnakan mimpi pengurus minuman itu.



Tindakan: – beritahu guru kamu:

Pada pendapat kamu adakah Yusuf akan keluar daripada penjara? _____.

Tunggu kelas minggu hadapan untuk melihat apa yang akan terjadi kepada Yusuf!

Berdoa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk mempercayai-Mu tidak kira betapa sukarnya situasi yang berlaku. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 23: SI TUKANG MIMPI DAN RAJA

Tema:

Yusuf mendapat pertolongan daripada Firaun.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengetahui bahawa pertolongan dan berkat datang dari Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kej 41:1 - 46



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

Yusuf mentafsirkan mimpi Firaun dan ia menjadi kenyataan. Selepas 13 tahun perhambaan dan dipenjara, Yusuf kini dijadikan menteri Firaun yang paling tinggi.

Ayat Hafalan:

Takut akan TUHAN permulaan kebijaksanaan; pengertian yang sempurna ada pada semua yang mentaati perintah-perintah-Nya. - Mazmur 111:10

Kenali: *Kamu telah mendengar kisah tentang mimpi Firaun. Bulatkan objek di bawah yang ada disebutkan dalam mimpi Firaun.*



7 lembu yang sihat dan 7 lembu yang kurus:

Lukiskan dan warnakan semua lembu yang mewakili 7 tahun kelimpahan makanan dan 7 tahun masa kelaparan.



Tindakan:

1. Siapakah yang memberikan Yusuf kebolehan untuk mentafsir mimpi?

Berdoa: Ya Tuhan, semua berkat dan pertolongan datang dari-Mu. Terima kasih kerana memberkati hidup saya. Bantulah saya untuk memberikan-Mu kemuliaan seperti yang dilakukan oleh Yusuf. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 24: ORANG TAHANAN MENJADI PERDANA MENTERI

Tema:

Bekerja untuk memberkati orang lain.

Tujuan Pelajaran:

Mempelajari bagaimana kerja keras kita boleh memberikan berkat kepada orang lain.

Petikan Alkitab:

Kej 41:47 - 42:26



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

1. Yusuf bekerja keras untuk mempersiapkan Mesir untuk musim kelaparan. Orang-orang dari negara lain, termasuklah abang-abangnya, diberkati dengan makanan yang mencukupi.
2. Ketika Yusuf bertemu abang-abangnya, dia tidak mendedahkan dirinya kepada mereka tetapi sebaliknya memberikan mereka satu ujian terlebih dahulu.

Ayat Hafalan:

Segala penat lelah mendatangkan keuntungan, tetapi kata-kata kosong hanya mendatangkan kemiskinan. - Amsal 14:23

Ketahui: Tuliskan perkataan dalam tempat kosong untuk melengkapkan ayat di bawah.




Yusuf bekerja keras dan menyimpan _____ yang cukup untuk Mesir.



Orang-orang dari negara lain datang ke Mesir untuk membeli _____.

Yusuf bertemu abang-abangnya:

Ramai orang datang ke Mesir ketika masa kelaparan untuk membeli makanan.
Bantu abang-abang Yusuf untuk mencari jalan untuk ke Mesir.



Tindakan:

Apakah yang kamu boleh lakukan di rumah atau di sekolah pada minggu ini untuk memberkati orang lain?

(cth. Membantu ibu saya membuat kerja-kerja rumah, membantu jiran saya menyiram pokok-pokok mereka, membantu guru saya mengangkat buku-buku, dll.)

Di rumah: _____

Di sekolah: _____

Berdoa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk tidak malas kerana apa yang saya lakukan boleh menjadi sebuah berkat kepada orang. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 25: MASALAH YAKUB

Tema:


Jadilah amanah.

Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk menjadi seseorang yang boleh dipercayai oleh orang lain.

Petikan Alkitab:

Kej 42:27 - 44:13



Pelajari


Kunci Pembelajaran:

1. Yakub tidak mempercayai Ruben untuk menjaga Benyamin, tetapi mempercayai Yehuda.
2. Yusuf juga tidak mempercayai abang-abangnya, kerana itu dia menguji mereka tentang Benyamin.

Ayat Hafalan:

Diberkatilah orang yang tabah menghadapi cubaan. Apabila mereka berjaya menangani cubaan itu, mereka akan mendapat mahkota kehidupan yang telah dijanjikan Allah kepada orang yang mengasihi-Nya. - Yakobus 1:12

Ketahui: Yusuf hanya mempunyai seorang adik. Siapakah namanya? Sambungkan awan-awan yang tertulis huruf di bawah mengikut turutan nombor yang betul untuk mengetahui jawapannya.



Nama adik Yusuf: _____

Bolehkah kamu dipercayai? Mari bermain permainan 'kepercayaan' ini!:

1. Dapatkan seorang pasangan. Seorang akan ditutup mata.
2. Yang seorang lagi perlu memimpin pasangan yang ditutup mata itu dari satu sudut bilik ke satu sudut yang lain. Pasangan yang ditutup mata harus dipercayai pasangannya untuk memimpin.
3. Apabila kamu tiba di sudut bilik itu, tukar peranan dan bergerak semula ke sudut yang lain dalam bilik itu.

Adakah kamu berjaya kembali dengan selamat?

Fikirkan tentangnya:

Yakub lebih dipercayai Yahuda berbanding dengan Ruben, kerana Ruben telah melakukan perkara yang buruk dan kehilangan kepercayaan bapanya.

Lukiskan seseorang yang kamu boleh percayai. Ia mungkin adalah seorang anggota keluarga atau seorang sahabat. Kemudian, berterima kasih kepada Tuhan untuk orang ini.

SAMPLE

Berdoa: Tuhan Yesus, terima kasih untuk mereka yang telah menjaga saya. Bantulah saya untuk menjadi seseorang yang boleh dipercayai oleh orang lain dan yang boleh diharapkan. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 26: PERTEMUAN DAN PERDAMAIAN KELUARGA

Tema:

Pengampunan

Tujuan Pelajaran:

Untuk belajar untuk mengampuni mereka yang menyakiti kita.

Petikan Alkitab:

Kej 44:14 - 46:7



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

1. Yusuf mengetahui abang-abangnya benar-benar telah menyesal ketika mereka berkeras untuk tidak meninggalkan Benyamin.
2. Yusuf mengetahui Tuhan telah menggunakan situasi ini untuk menyelamatkan keluarganya daripada masa kelaparan dan membawa mereka semua bersama-sama di Mesir.

Ayat Hafalan:

Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.
1 Yohanes 1:9

Ketahui: *Lihat gambar-gambar di bawah dan padankan dengan ayat yang sesuai.*



Yehuda memberi penjelasan kepada Yusuf



Yusuf berdamai dengan abang-abangnya



Keluarga Yusuf berpindah ke Mesir

Yusuf memaafkan abang-abangnya:

Yusuf ingin menguji dan melihat jika abang-abangnya akan meninggalkan Benyamin untuk menyelamatkan diri mereka. Tetapi ketika mereka tidak melakukannya, dia mengetahui bahawa abang-abangnya telah menyesal kerana menjualnya sebagai seorang hamba dahulu.

Warnakan gambar yang menunjukkan Yusuf memaafkan abang-abangnya ini.



Tindakan:

Yesus juga telah mengampuni dosa-dosa kita. Kita hanya perlu mengakui dan menunjukkan bahawa kita benar-benar menyesal. Mintalah Yesus untuk mengampuni dosa-dosa kamu.

Kita juga seharusnya memaafkan orang lain yang telah menyakiti kita. Adakah terdapat sesiapa yang telah menyakiti kamu? Tuliskan nama mereka: Saya perlu memaafkan

Berdoa: Tuhan Yesus, bantulah saya untuk memaafkan orang lain, seperti Engkau juga telah mengampuni saya. Dalam nama-Mu, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 27: PENGHUJUNG KEJADIAN - PUAK MENJADI BANGSA

Tema:

Tuhan itu bersifat peribadi dan ingin berada dalam kehidupan kita.

Tujuan Pelajaran:

Mengulang kaji beberapa tema utama dalam Kejadian.



Pelajari

Kunci Pembelajaran:

1. Tuhan menciptakan dunia kita dan juga kita.
2. Dosa memisahkan kita daripada Tuhan.
3. Tuhan itu bersifat peribadi; Dia berbicara kepada Abraham, Ishak dan Yakub.
4. Tuhan memberikan jalan untuk mengampuni dosa-dosa kita.

Lengkapkan gambar – apakah yang hilang?

Lukiskan objek atau orang yang hilang dalam gambar-gambar ini. Warnakannya.

Adam dan Hawa




Abraham mengorbankan Ishak



Tuhan Kita Bersifat Peribadi: Tuhan berbicara kepada ...

Cari 3 nama orang yang tersembunyi yang kepada mereka Tuhan telah berbicara dan warnakan huruf-huruf itu.



Tindakan:

1. Mengapakah Adam dan Hawa telah berdosa?
2. Adakah Abraham telah mengorbankan Ishak? Mengapa?
3. Siapakah yang Tuhan telah berikan kepada kita sebagai ganti dosa kita?

Berdoa: Tuhan, terima kasih kerana ingin terlibat dalam hidup saya. Engkau sangat mengasihi saya sehingga Engkau menyediakan korban untuk menghapuskan dosa saya. Terima kasih untuk Anak-Mu Yesus dan bantulah saya untuk mentaati-Nya. Amin.

SAMPLE

SAMPLE


Siri Penjelajah Visual Alkitab




Kejadian - Pada Mulanya




Musa dan Keluaran




Yosua dan Hakim-Hakim




Cerita Kehidupan Yesus



Kisah Rasul-Rasul Jilid 1



Kisah Rasul-Rasul Jilid 2



Raja-Raja dan Nabi-Nabi Israel